

BOOK REVIEW

Pengajian Tinggi: Pendemokrasian, Pengkomersialan dan Pengantarabangsaan by Qasim Ahmad. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2022, 607 pp.

Mohamad Muzammil Mohamad Noor

School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Email: muzammil@usm.my

Published online: 30 April 2024

To cite this article: Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2024. Pengajian tinggi: Pendemokrasian, pengkomersialan dan pengantarabangsaan (Book review). *Kajian Malaysia* 42(1): 375–379. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.1.17>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2024.42.1.17>

Buku ini menghadirkan sebuah penulisan lengkap dan perbincangan perihal isu-isu pendidikan tinggi di Malaysia termasuk membincangkan penyelidikan dan penulisan di universiti awam. Buku ini dibahagikan perbincangannya kepada tiga fokus utama iaitu pendemokrasian, pengkomersialan dan pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara. Dua belas bab dengan 607 halaman diperuntukkan di dalam buku yang meliputi: pengenalan, konsep sebuah universiti, anekaversiti?, pendemokrasian, pengkomersialan, pengkorporatan di Malaysia, autonomi dan akauntabiliti, pengantarabangsaan, faedah dan cabaran, pendidikan transnasional, isu bahasa Inggeris, serta akhir bicara sebagai kesimpulannya. Satu perkara yang menakjubkan menerusi bacaan buku ini ialah sumber bibliografi yang dirujuk mempunyai kepelbagaian bahan bacaan dan 34 responden. Terlalu banyak isu institusi pendidikan tinggi di Malaysia yang menjadi tumpuan penulis tersohor ini. Dengan pengalaman yang luas sebagai pensyarah universiti dalam bidang sejarah dan pentadbiran institusi, penulis berkarya dengan “cukup padat”, gaya penulisan yang mudah difahami dan berkesan di hati pembaca. Ia berbeza dengan buku-buku penulis sebelum ini yang tertumpu kepada disiplin sejarah. Disebabkan latar belakang penulis buku ini yang berpendidikan ilmu sejarah, tidak hairanlah masih lagi terdapat unsur-unsur pensejarahan menerusi buku ini. Ia dapat dilihat dari segi perbandingan antara tempoh dua jangka masa kajian, tahun dan tarikh serta persoalan pemikiran yang dibincangkan.

Menerusi buku *Pengajian Tinggi: Pendemokrasian, Pengkomersialan dan Pengantarabangsaan*, penulis membandingkan isu-isu pendidikan dan pengasasan sesebuah institusi pengajian tinggi di Barat (terutamanya di United Kingdom dan Amerika Syarikat) dengan universiti di Malaysia. Isu-isu ini meliputi isu peluang dan pengambilan pelajar yang berkelayakan, kos pengajian dan kehidupan pelajar dalam kampus dan di luar kampus, “taraf bintang” sesebuah universiti, isu pelaksanaan dan pentadbiran universiti, pendemokrasian pendidikan dan institusi, pengkomersialan dan pengantarabangsaan institusi dan pengajian, pengeluaran dan pengiktirafan ijazah, keberhasilan kualiti produk melalui siswazah, kuasa autonomi dan akauntabiliti institusi, penjelasan berkaitan pendidikan transnasional, penghasilan siswazah yang mahir berbahasa Inggeris untuk berdaya saing, dan isu pengkorporatan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Antara bab yang menjadi tarikan pembaca ialah yang bertajuk “anekaversiti?”. Dalam bab ini penulis mengupas isu-isu dan persoalan kepelbagaian impak produk siswazah di sesuatu universiti atau institusi pendidikan tinggi. Tema bab ini berkisar kepada kepelbagaian isu, tawaran pengajian, kursus-kursus pengajian yang dianjurkan dan melahirkan produk siswazah yang holistik dan berketrampilan. Ia bertepatan dengan pandangan penulis bahawa “Objektif universiti untuk melahirkan para graduan yang holistik dan mempunyai sentimen patriotisme dan semangat membangunkan negara-bangsa” (ms. 91). Hasrat melihat wujudnya sesebuah universiti itu berdasarkan objektif dan nada optimisnya untuk mempunyai *trademark* yakni konsep dan identiti tersendiri, telah mendorong pembukaan misalnya Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mengkhususkan kepada bidang pendidikan dalam pelbagai ilmu; berbanding dengan Universiti Sains Malaysia (USM) yang lebih menumpukan kepada ilmu sains dan teknologi tanpa melupakan ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan. Di USM, mahasiswanya wajib mengambil kursus universiti yang meliputi kursus-kursus bahasa, pemikiran kritis, keusahawanan dan kursus minor dari bidang sains, kemanusiaan atau kemasyarakatan.

Memetik pandangan penulis bahawa “Pensyarah di universiti menghasilkan kumpulan siswazah yang akhirnya bukan sahaja terlatih dalam disiplin pengkhususan masing-masing malahan juga cemerlang dari segi keupayaan berfikiran kritis, bersikap kreatif, berbahasa secara fasih dan bertindak penuh ketangkasan” (ms. 95), ia membawa pengertian bahawa peranan ahli akademik sebagai pensyarah bukan sahaja menyampaikan ilmu kepakarannya tetapi juga untuk melahirkan produk mahasiswanya yang berketrampilan tinggi, berkeyakinan penuh, berwawasan untuk maju, sayangkan tanah air, holistik dan terpenting ialah menggendongkan bekalan ilmu yang diperolehi ketika memasuki alam kerjaya. Lahirnya graduan berholistik bertujuan supaya mereka bersifat saling berkait

antara satu bidang dengan bidang yang lain, bukannya menyentuh aspek-aspek keutamaan bidang pengajian sahaja. Misalnya, pengajian bidang sains bersepadu dengan bidang sejarah yang meliputi sejarah perubatan dan kesihatan.

Universiti di bawah Kerajaan Malaysia yang telahpun dikorporatkan mahupun universiti bertaraf swasta serta universiti yang dimiliki kerajaan negeri sejak dari pengasasannya mengamalkan konsep pendidikan liberal. Hal ini bersangkutan dengan peranan dan tujuan atau misi tradisional universiti-universiti di United Kingdom dan Amerika Syarikat; dengan mengambil contoh University of Oxford, University of Cambridge dan Harvard University. Menurut pandangan penulis buku ini, konsep pendidikan liberal ini telah lama diperkenalkan iaitu dari zaman Newman di United Kingdom dan tamadun Rom lagi (ms. 87). Oleh hal yang demikian, universiti yang berlandaskan pendidikan liberal ini menyatukan objektif membangunkan daya intelektual dan penggabungan pelbagai ilmu supaya produk daripada sesebuah universiti yakni para graduannya adalah lebih holistik dan berkesan. Pembelajaran holistik adalah suatu pendekatan pembelajaran untuk membangunkan sahsiah manusia secara keseluruhan dan kukuh dengan mengembangkan semua potensi manusia. Model pendidikan liberal ini turut menjadi ikutan di kebanyakan universiti di Asia Tenggara, dan Malaysia juga tidak ketinggalan.

Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi berkeyakinan bahawa impak dan dampaknya dapat melahirkan siswazah yang mempunyai pencapaian ilmu dan lulusan yang berkepelbagaian bidang untuk membangunkan negara-bangsa. Mahasiswa mampu didedahkan kepada kefalsafahan ilmu yang tinggi dan menempuhnya dengan bersungguh-sungguh. Faedah yang ingin dicapai menerusi pendedahan pendidikan liberal di universiti di Malaysia ialah mahasiswa mampu “celik IT” iaitu kesedaran penggunaan komputer, alat gajet serta mengaplikasikan teknologi terkini dan canggih mengikut perkembangan dunia terkini; serta penggabungan ilmu major-minor yang diikuti di dalam bilik kuliah.

Berdasarkan buku ilmiah bergaya santai ini, pendemokrasian pengajian tinggi merupakan satu langkah atau cara institusi pengajian tinggi memberi peluang kepada semua individu untuk memperoleh peluang belajar hingga ke peringkat tinggi; sekurang-kurangnya diploma atau ijazah pertama. Dalam catatan penulis, “sebagai dasar yang membuka laluan, atau akses, kepada pengajian tinggi secara lebih meluas kepada ahli masyarakat, terutamanya golongan yang baru meninggalkan sekolah” (ms. 125), dapatlah dikatakan bahawa peluang belajar yang terbuka luas ini membuka ruang kepada mereka membangunkan sahsiah diri dan memperoleh kerjaya berdasarkan kelulusan mereka; ia secara langsung meningkatkan taraf kehidupan. Setiap orang diberi peluang belajar melalui cara

pengajaran sepenuh masa; mahupun pengajian secara jarak jauh sambil bekerja hakiki termasuk kepada komuniti orang kurang upaya. Di Malaysia, pengajian jarak jauh telah dimulakan oleh USM melalui Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh—penulis buku ini juga merupakan salah seorang mantan pengarahnya. Pemohon adalah daripada kalangan mereka yang tidak berpeluang memasuki universiti atau belajar sambil bekerja demi meningkatkan taraf akademik mereka. Di pusat pengajian ini, pelajar menumpukan pengajian pada peringkat ijazah pertama hinggalah ke peringkat ijazah doktor falsafah (PhD). Di USM juga, sumber pendapatan daripada yuran pengajian mahasiswanya telah menyumbang pendapatan yang lumayan. Hal ini bermaksud pemasaran peluang pendidikan turut membawa kepentingan yang utama iaitu bagi menarik masyarakat di luar sana memperoleh kepelbagaian ilmu secara tidak langsung. Jarak yang jauh tidak memisahkan mereka untuk mendalami ilmu.

Akhir sekali, pengantarabangsaan atau globalisasi pendidikan tinggi di Malaysia telah mendapat perhatian daripada universiti-universiti tempatan bermula dengan terdirinya sesebuah universiti itu. Bukan hanya universiti yang bertaraf antarabangsa sahaja seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, bahkan semua universiti awam dan universiti swasta turut terlibat memasarkan pendidikan mereka kepada pelajar-pelajar dari luar negara untuk datang ke Malaysia menuntut daripada peringkat ijazah pertama hingga ijazah PhD. Proses pengajaran dan pembelajaran dan kehidupan di kampus tetap sama seperti mahasiswa tempatan. Pelajar asing ini turut mengenali sosiobudaya masyarakat tempatan Malaysia dan mengenali negara ini dengan lebih dekat. Terdapat universiti antarabangsa ini telah mengambil pendekatan untuk memperkenalkan pengajaran bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu, sebagai salah satu syarat yang perlu untuk memperoleh ijazah. Dengan maksud lain, globalisasi pendidikan tinggi negara seolah-olah “mengeksport pendidikan tinggi” di dalam negara sendiri. Malah, terdapat juga universiti tempatan berkolaborasi dengan universiti luar mendirikan “universiti cawangan” seperti yang diusahakan antara Universiti Malaya dengan University of Wales di Kuala Lumpur. Secara tidak langsung, ia membawa manfaat atau faedah dari segi kenaikan taraf globalisasi institusi pengajian tinggi tempatan, dapatan sumber ekonomi lumayan dan Malaysia menjadi tumpuan pusat perkembangan ilmu yang pesat.

Kesimpulannya, buku *Pengajian Tinggi: Pendemokrasian, Pengkomersialan dan Pengantarabangsaan* ini merupakan satu bahan bacaan yang wajib dibaca bagi mengetahui proses pendidikan tinggi negara. Ia juga sangat sesuai dijadikan bahan rujukan kepada pentadbir universiti dan ahli akademik (pensyarah universiti) untuk mempertingkatkan keupayaan dan potensi universiti masing-masing; serta begitu juga masyarakat Malaysia untuk mengetahui secara umum berkaitan

pendidikan tinggi dan pengasasan sesebuah universiti itu. Paling berkesan, isi kandungan buku ini berguna kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam merangka sesuatu strategi perancangan dan polisi untuk pengajian tinggi negara. Kerajaan Malaysia pula dapat memperkasakan lagi peluang pendidikan kepada umum, memperkemaskan hala tuju sesebuah institusi pengajian tinggi dan mempertingkatkan lagi taraf pendidik di universiti untuk membolehkan mereka merasa “bahagia” sebagai pensyarah universiti.